

24 AUG 1996

Mahathir - Tiba

MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN KERJA EMPAT HARI KE CHINA

Oleh: Zainoor Sulaiman

BEIJING, 24 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan kerja empat hari bagi meningkatkan lagi kerjasama ekonomi China-Malaysia.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing disambut oleh Naib Menteri, Suruhanjaya Perancangan Negeri Zeng Peiyan yang juga pengerusi jawatankuasa sambutan, Duta Malaysia di sini Amir Jaafar dan pegawai kanan dari Kementerian Luar China dan Kedutaan Malaysia.

Perdana Menteri kemudian naiki kereta menuju ke China World Hotel. Rombongan rasmi dan delegasi ahli perniagaan akan menginap di hotel berkenaan semasa lawatan ke sini.

Esok, Dr Mahathir akan melawat Istana Musim Panas dan kemudian ke Diaoyutai State Guest House untuk menyaksikan pameran dan demonstrasi lukisan China.

Pada Isnin, Dr Mahathir akan mengadakan rundingan dengan rakan sejawatannya dari China Li Peng di Dewan Besar Rakyat sebelum menyampaikan ucapan dasar pada "Perkongsian Malaysia-China - Dialog Beijing" anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Anggota lain delegasi Malaysia yang akan berucap pada dialog itu termasuk Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn.

Dr Mahathir dijadual mengunjungi Presiden Jiang Zemin dan menemui naib Perdana Menteri Zhu Rongji. -- BERNAMA

ZS FAZ